



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**17 OGOS 2021 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**17 OGOS 2021 (SELASA)**

## Aktiviti penyalahgunaan minyak masak bersubsidi dibanteras

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya membantaras aktiviti penyalahgunaan minyak masak bersubsidi, pekete satu kilogram (kg) dalam operasi di sebuah rumah kedai di Seri Kembangan pada Isnin.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa Operasi, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Shamsul Nizam Khalil berkata, premis itu disyaki digunakan sebagai stor.

“Tempat itu juga disyaki digunakan untuk melakukan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi, pekete satu kg untuk dipindahkan ke dalam bekas minyak

masak industri,” katanya melalui kenyataan pada Isnin.

Shamsul Nizam berkata, hasil serbuan menemui sebanyak 5,695 pekete minyak masak bersubsidi satu kilogram untuk diseleweng.

Beliau memberitahu, terdapat dua unit tangki fiber berkapasiti 1,000 liter yang berisi keseluruhananya berjumlah 1,440kg.

“Sisa plastik minyak masak bersubsidi, pekete satu kilogram yang telah digunting dan peralatan untuk pemindahan minyak masak bersubsidi ke dalam tangki fiber industri telah disita. Jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM26,374.50,” kata Shamsul Nizam.

Beliau berkata, hasil risikan mendapati sindiket tersebut telah beroperasi hampir tiga bulan lalu dengan mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi, pekete satu kilogram daripada pemborong-pemborong berlesen.

“Minyak masak bersubsidi, pekete satu kilogram ini seterusnya dilerai dan dikumpulkan di dalam satu tangki fiber yang berkapasiti 1,000 liter untuk dipasarkan dengan harga bukan subsidi,” jelas beliau.

Dalam serbuan tersebut, seramai tiga pekerja lelaki warga asing berusia 27 hingga 34 tahun yang berada di premis berkenaan ditahan bagi membantu siasatan.



Antara barangan yang disita dalam operasi di sebuah rumah kedai di Seri Kembangan pada Isnin.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.90	• Telur Gred A (30 biji)	RM11.90	• Gula pasir	RM2.85	• Cili merah	RM7.99
• Daging lembu tempatan	RM34	• Ikan kembung	RM9.59	• Bawang besar holland	RM2.80	• Kubis tempatan	RM3.49
• Daging lembu import	RM25.83	• Minyak masak	RM6.50	• Bawang putih	RM6.90	• Tepung gandum	RM2.25

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP